



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

NAMA KURSUS : SEJARAH SENI DAN SENIBINA
KOD KURSUS : DRD 1043
PEPERIKSAAN : DISEMBER 2021
MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (50 Markah)
BAHAGIAN C (30 Markah)

2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.

3. Jawab **SEMUA** soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).

4. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjurukan atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
 - i. Nama Penuh Pelajar
 - ii. No. Kad Pengenalan
 - iii. Seksyen Kelas
 - iv. Kod Kursus
 - v. Nama Kursus
 - vi. Nama Pensyarah

5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjurukan bawah kanan.

6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 15 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **semua** soalan di dalam Kertas Jawapan.

1. Apakah fungsi utama senibina *Stonehenge*?
 - A Menentukan sistem perkiraan masa.
 - B Memudahkan sistem perairan sungai.
 - C Memudahkan aktiviti bercucuk tanam.
 - D Menentukan arah matahari dan bulan.

2. Antara berikut, manakah pernyataan yang benar tentang senibina Mesir Purba?
 - i. Dipengaruhi oleh Sungai Nil
 - ii. Faktor geografi yang selamat
 - iii. Dinding makam diukir dengan gambaran kehidupan abadi
 - iv. Mengadaptasi tempat berlindung daripada alam semulajadi
 - A i, ii, iii
 - B i, ii, iv
 - C ii, iii, iv
 - D i, ii, iii, iv


3. Tamadun Greek terbahagi kepada dua puak iaitu
 - A *Caesarian* dan *Julius*.
 - B *Hellenic* dan *Helenistic*.
 - C Republik dan Empayar.
 - D *Minoan* dan *Mycenaean*.



Soalan 4 berdasarkan **Gambarajah A**

4. Namakan elemen seni bina di dalam gambarajah A.
- A *Greek Ionic*
 - B *Roman Tuscan*
 - C *Greek Corinthian*
 - D *Roman Composite*
5. Apakah fungsi struktur seni bina *clerestory*?
- A Pendukung *vault* dan menara.
 - B Penyokong utama struktur bangunan.
 - C Membenarkan banyak cahaya masuk ke bahagian dalam bangunan.
 - D Perkuburan bawah tanah iaitu tempat penyediaan mayat anak perempuan Maharaja Constantine yang bernama Constantina.

6. Pilih pernyataan yang benar tentang seni bina Rococco.
- Berkembang di Itali.
 - Seni arca yang lebih terbuka.
 - Berunsurkan keagamaan dan ketuhanan.
 - Bersifat seni yang sarat, dramatik dan serius.



Soalan 7 dan 8 berdasarkan **Carta 1**

7. Gaya gerakan seni bina 'X' ialah
- Baroque.
 - Byzantine.
 - Renaissance.
 - Romanesque.
8. Antara ciri seni bina bagi gaya gerakan seni bina 'X' ialah
- Kubah menggunakan teknik pendentive.
 - Inspirasi daripada senibina Rom dalam seni bina.
 - Teknik Ashlar untuk pembinaan dinding bangunan.
 - Penggunaan pelbagai warna yang membawa visual mewah ke ruang dalaman.
- i, ii, iii
 - i, ii, iv
 - ii, iii, iv
 - i,ii,iii, iv

9. Terma *Socialism* yang digunakan dalam gerakan seni bina *Arts and Craft Movement* bermaksud
- A Pertembungan dua budaya dan gaya seni bina.
 - B Pergaulan bebas antara pereka silam dan moden.
 - C Mengurangkan penggunaan mesin dan meningkatkan hasil kerja tangan.
 - D Tidak menggunakan teknologi moden yang ditemui ketika revolusi industri.
10. Apakah perbezaan di antara gaya seni bina *Art Nouveau* dan *Art and Craft Movement*?
- A *Art Nouveau* menolak penggunaan mesin dan teknologi.
 - B *Art Nouveau* menerima penggunaan mesin dan teknologi.
 - C *Art and Craft Movement* menolak penggunaan hasil kerja tangan.
 - D *Art and Craft Movement* menerima penggunaan mesin dan teknologi.
11. Berikut adalah warna-warna utama yang digunakan dalam reka bentuk *De-Stijl*:
- A merah, biru, kuning dan hitam.
 - B merah, hijau, kuning dan putih.
 - C merah, hijau, biru, hitam dan putih.
 - D merah, biru, kuning, hitam dan putih.

12. Pilih imej di bawah yang merupakan hasil seni daripada gaya Art Deco.

A



C



B



D





Soalan 13 dan 14 berdasarkan **Gambarajah B**

13. Nama kerusi dalam gambarajah B ialah

- A *Mies Chair.*
- B *Wassily Chair.*
- C *Frank Gehry Chair.*
- D *The Barcelona Chair.*

14. Antara berikut, pilih kenyataan yang benar tentang gambarajah B

- i. Rekaan Marcel Breuer.
- ii. Kerusi *tubular-steel* pertama.
- iii. Inspirasi daripada rangka basikal.
- iv. Menggunakan teknologi steel-bending.

- A i, ii, iii
- B i, ii, iv
- C ii, iii, iv
- D i, ii, iii, iv

15. Simbol tukul dan sabit merupakan elemen yang digunakan dalam seni bina

- A *Art Deco.*
- B *Modernism.*
- C *Constructivism.*
- D *Expressionism.*

16. Menara Berkembar Petronas dibina dengan gaya seni bina

- A *Postmodernism.*
- B *International style.*
- C *Memphis architecture.*
- D *Deconstruction architecture.*

17. Gaya “Kitsch” diaplikasi dalam gaya seni

- A Hi-tech.
- B Art deco.
- C Memphis Design.
- D International Design.

18. Berikut merupakan hasil seni grafik bagi seni bina *Pop Art* kecuali

A



C



B



D





Soalan 19 dan 20 berdasarkan **Gambarajah C**

19. Namakan seni bina moden ikonik gambarajah C.

- A *Bank of China* oleh I.M Pei.
- B *The Bullet Tower* oleh Pei Wei.
- C *The Gherkin* oleh Norman Foster.
- D *Crystal Tower* oleh John Johnson.

20. Antara berikut, pilih kenyataan yang benar tentang gambarajah C

- i. Rekaan Sir Norman Foster.
- ii. Bangunan mesra alam dan berteknologi tinggi.
- iii. Merupakan contoh bangunan dari *Deconstruction Architecture*.
- iv. Penggunaan panel kaca pada keseluruhan bangunan untuk membenarkan kemasukan cahaya semula jadi ke dalam ruang dalaman.

- A i, ii, iii
- B i, ii, iv
- C ii, iii, iv
- D i, ii, iii, iv

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan

SOALAN 1

- a. Lakarkan **satu(1)** hasil binaan yang terkenal dalam seni bina Mesir Purba.
(2 markah)
- b. Berdasarkan jawapan bagi soalan 1(a), senaraikan **empat (4)** ciri hasil binaan tersebut.
(4 markah)
- c. Senaraikan bahan yang digunakan untuk pembinaan bangunan bagi seni bina Mesir Purba dalam jadual di bawah.

Bangunan	Bahan binaan
Istana	
Rumah rakyat	
Piramid	
Kubu	

(4 Markah)

SOALAN 2

Soalan 2 (a) berdasarkan **Gambarajah D**

- a. Berikan nama karya seni dan nama pelukis bagi gambarajah D.
(2 markah)
- b. Senaraikan **empat(4)** ciri seni bina Renaissance.
(4 markah)
- c. Huraikan **dua(2)** daripada ciri seni bina Renaissance yang disenaraikan di (b).
(4 markah)

SOALAN 3

- a. Apakah yang dimaksudkan dengan Revolusi Industri?
(2 markah)
- b. Lakarkan **satu(1)** hasil inovasi semasa Revolusi Industri tahap satu.
(2 markah)

- c. Berikan **tiga (3)** perbezaan antara Revolusi Industri dan *Art and Craft Movement* seperti dalam jadual di bawah.

Revolusi Industri	Art And Craft Movement

(6 Markah)

SOALAN 4

Senaraikan **lima(5)** gaya seni bina yang ada mengikut era berikut:

- a. Era klasikal.

(5 markah)

- b. Era moden.

(5 markah)

SOALAN 5

- a. Lakarkan **satu(1)** contoh seni bina yang menggunakan gaya *Prairie Style*.

(2 markah)

- b. Senaraikan **empat (4)** ciri *Shingle Style* yang digunakan oleh Frank Lloyd Wright.

(4 markah)

- c. '*Less is bore*' merupakan slogan yang digunakan oleh Robert Venturi. Huraikan sebab beliau menggunakan slogan ini sebagai asas rekaannya.

(4 markah)

[50 MARKAH]


BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja.

Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

SOALAN 1

Seni bina klasik menyaksikan ciptaan dan inovasi struktur serta bahan binaan yang terus digunakan sehingga masa kini.



Soalan 1 berdasarkan **Gambarajah E**


- a. Anda diberikan sebuah bangunan kosong seperti gambarajah E. Mengikut kreativiti dan pemahaman anda, lakarkan semua elemen binaan yang disenaraikan di bawah ke dalam bangunan tersebut.
- i. Flying buttress
 - ii. Menara yang runcing
 - iii. Gerbang yang runcing
 - iv. Tingkap *stained glass*
 - v. *Composite column*
 - vi. *Opening* yang besar dan banyak

(12 markah)

- b. Berdasarkan lakaran anda di (a), nyatakan nama seni bina yang menggunakan elemen binaan tersebut dan berikan huraian ringkas.

(3 markah)

SOALAN 2

Soalan 2 berdasarkan **Gambarajah F**

Berdasarkan pengetahuan anda tentang gaya seni dan seni bina abad ke-20:

- Nyatakan gaya seni bagi lukisan A dan lukisan B.
(2 markah)
- Berdasarkan gambarajah F, lakarkan mengikut kreativiti anda **satu (1)** contoh kerusi bagi gaya seni A.
(3 markah)
- Berdasarkan pemahaman anda, huraikan prinsip gaya seni bagi Lukisan B.
(4 markah)
- Nyatakan **tiga (3)** perbezaan ciri seni dan seni bina antara dua gaya bagi gambarajah E dalam jadual di bawah.


Lukisan A	Lukisan B

(6 markah)

SOALAN 3

Deconstructivism merupakan sambungan gaya seni bina *Postmodernism* yang menolak ukiran sebagai elemen dekorasi.

- a. Lakarkan **satu (1)** contoh binaan *deconstructivism* yang direka oleh Zaha Hadid.
(3 markah)



Soalan 3 (b) berdasarkan **Gambarajah G**

- b. Berdasarkan gambarajah G, lakarkan olahan rupa bentuk *Deconstruction* objek tersebut mengikut hasil kreativiti anda sendiri berdasarkan empat kategori *Deconstruction* yang berikut:

- i. *Layering*
- ii. *Angular*
- iii. *Organic*
- iv. *Chaos*

(12 markah)

[30 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT